



**ISNIN, 28 OGOS 2023
UNTUK SIARAN SEGERA**

**PENUTUPAN RUANG UDARA DAN LARANGAN AKTIVITI DRON
SEMPENA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN KE-66**

PUTRAJAYA - Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) ingin memaklumkan mengenai penutupan ruang udara dalam Kuala Lumpur Terminal Control Area (TMA) seperti yang diterbitkan dalam Suplimen Penerbitan Maklumat Aeronautik (AIP). Penutupan ruang udara ini adalah bagi membolehkan acara terbang rendah oleh pesawat-pesawat Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) sempena sambutan Hari Kebangsaan Ke-66.

CAAM ingin mengingatkan orang awam bahawa pengendalian dron adalah dilarang sama sekali sepanjang terbang rendah sebelum dan pada Hari Kebangsaan. Ini bagi mengelak sebarang insiden yang tidak diingini terutamanya yang membabitkan aspek keselamatan dan sekuriti orang awam serta pesawat yang sedang beroperasi. Penggunaan dron tanpa kelulusan dikhuatiri akan mengganggu latihan dan pertunjukan udara sempena sambutan Hari Kebangsaan Ke-66 di Putrajaya. Aktiviti penguatkuasaan akan dilaksanakan oleh CAAM dan Unit Dron Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi memantau sebarang operasi dron tanpa kebenaran.

Sebarang aktiviti penerbangan termasuk pengendalian aktiviti dron yang boleh mengundang bahaya kepada orang awam dan harta benda adalah tertakluk di bawah Seksyen 4 Akta Penerbangan Awam 1969 (Akta 3); Peraturan 98, Peraturan 140-144, Peraturan Penerbangan Awam Malaysia dan Civil Aviation Directives (CADs).

DATO' KAPTEN NORAZMAN BIN MAHMUD
Ketua Pegawai Eksekutif
Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia

Sebarang pertanyaan media berhubung kenyataan ini boleh dibuat dengan menghubungi Puan Anis Rahim di alamat emel anis@caam.gov.my atau talian +6012-3364353